

KESEDIAAN IBU BAPA TERHADAP PENGLIBATAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR)

Zuriani Hanim Zaini
Zaleha Damanhuri
Mohamad Arif Zaki Ali
Ahmad Zulfandi Ibrahim
Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: zurianihanim@kuim.edu.my

Article History:

Received : 9 October 2021
Accepted : 20 October 2021
Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif dengan menggunakan pendekatan secara kuantitatif bagi mendapatkan pandangan ibu bapa terhadap kesediaan penglibatan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Seramai 212 orang responden telah mengambil bahagian untuk menjawab soal selidik kajian ini dan kaedah pemilihan sampel kajian adalah secara rawak mudah. Seterusnya data yang dikumpulkan ini akan dikod, direkod dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 dengan menggunakan skor min. Soal selidik kajian ini telah diadaptasi daripada soal selidik kajian *Parents Personal Motivation for Involvement Factors* oleh Strickland (2015). Instrumen kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Motivasi Peribadi), Bahagian C (Kepercayaan Terhadap Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-anak) dan Bahagian D (Efikasi Kendiri Ibu Bapa). Analisis kebolehpercayaan menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai nilai *Alpha Cronbach* sebanyak .92. Hasil dapatan kajian menunjukkan nilai min daripada aspek motivasi peribadi (4.27) dan kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak (4.15) berada di tahap tinggi dan aspek efikasi kendiri ibu bapa (3.66) berada di tahap sederhana. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa terdapat sebahagian ibu bapa yang belum bersedia sepenuhnya PdPR ini dilaksanakan dengan kekurangan pengalaman kerana pendekatan ini dilaksanakan secara mengejut tanpa persediaan daripada ibu bapa. Justeru itu, usaha bagi penambahbaikan yang lebih tinggi dan berkesan perlu dipertingkatkan daripada masa ke masa bagi memastikan kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR berada di tahap tinggi pada masa akan datang.

Kata kunci: Kesediaan Ibu Bapa, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah, Motivasi Peribadi, Peranan Ibu Bapa, Efikasi Kendiri

PARENTS PREPAREDNESS FOR INVOLVEMENT IN TEACHING AND LEARNING AT HOME

Abstract

This study is a descriptive study using a quantitative approach to obtain parents' views on the readiness of their involvement in teaching and learning at home. A total of 212 respondents participated to answer the questionnaire of this study and the method of selection of the study sample was simple random. Next, the data collected will be coded, recorded and analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0 using the mean score. This research questionnaire was adapted from the research questionnaire, Parents Personal Motivation for Involvement Factors by Strickland (2015). The instrument of this study is divided into four parts, namely Part A (Respondent Demographics), Part B (Personal Motivation), Part C (Belief in the Role of Parents in Educating Children) and Part D (Parental Self-Efficacy). Reliability analysis showed that the instrument of this study had a Cronbach's Alpha value of .92. The results of the study showed that the mean value of the aspect of personal motivation (4.27) and belief in the role of parents in educating children (4.15) was at a high level and the aspect of parental self-efficacy (3.66) was at a moderate level. This situation clearly shows that there are some parents who are not fully prepared for this to be carried out with a lack of experience because this approach is implemented suddenly without any preparation from the parents. Therefore, efforts for higher and effective improvement need to be enhanced from time to time to ensure the readiness of parents to participate in home teaching and is at a high level in the future.

Keywords: *Parental Readiness, Home Teaching and Learning, Personal Motivation, Parental Role, Self- efficacy*

PENGENALAN

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian atau luar talian atau *off-site* dengan berstruktur dan terancang (Manual PdPR, KPM, 2020). Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), menetapkan setiap murid mendapat akses pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, murid berhak mendapat peluang mengikut pendidikan, meskipun mereka tidak dapat hadir ke sekolah.

Elemen PdPR yang memberi cabaran kepada ibu bapa menurut Mohd Norazmi, Faiza dan Ruqia (2021) ialah penyediaan bahan, kemudahan, pengetahuan, kemahiran dan pengurusan keluarga. Bagi keluarga yang berpendapatan kecil atau keluarga yang mempunyai kapasiti ahli yang ramai akan rasa terbeban untuk menyediakan peranti yang bersesuaian dan akses Internet untuk kegunaan pembelajaran anak (Norehan dan Mahaliza, 2021). Peranan ibu bapa menyediakan keperluan ini bagi memastikan kelangsungan sistem pendidikan anak-anak secara sama rata. Pemantauan sepanjang pelaksanaan PdPR perlu dilakukan oleh ibu bapa agar anak-anak benar-benar mengikuti kelas secara konsisten. Hal ini, secara tidak langsung ibu bapa perlu meningkatkan kemahiran mereka menggunakan teknologi (Norehan, *et al.*, 2021).

Menurut Norhidayati (2020) melalui PdPR ini memberi peluang, ruang dan masa untuk ibu bapa terlibat aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) anak-anak. Hal ini juga dapat menjalinkan hubungan yang rapat antara guru dan ibu bapa berbanding sebelum ini (Sumitra dan Roshan, 2021). Jika sebelum ini pemerhatian PdP hanya dilakukan oleh guru di bilik darjah, namun sejak pandemik Covid-19 ini, ibu bapa juga turut terlibat dalam memantau perkembangan PdP anak-anak apabila kerajaan mengumunkan pelaksanaan PdPR (Norehan *et al.*, 2021). Hapini *et al.*, (2020) menyatakan kebanyakan negara membangun menghadapi cabaran yang hampir sama melibatkan isu *Information and Communications Technology* (ICT). Di negara maju seperti Finland, Amerika Syarikat, China murid-murid dibenarkan meminjam peranti digital daripada pihak sekolah bagi memudahkan murid mengakses platform pembelajaran secara dalam talian di rumah (Wan, 2021). Perkara yang menjadi kekangan PdPR ialah kekurangan dan kelemahan dalam aspek kemudahan fizikal, sokongan dan penyelenggaraan seperti yang berlaku di India, Namibia dan Bangladesh (Ima *et al.*, 2020; Norehan, *et al.*, 2021). Menurut Khazanah Research Institute (KRI) melalui laporan kajian *Covid-19 and Unequal Learning* menunjukkan 37% orang kanak-kanak menghadapi masalah tidak mempunyai kelengkapan peranti komputer riba dan tablet yang boleh digunakan semasa PdPR. Manakala hanya lingkungan 6%-9% sahaja yang mempunyai peranti komputer riba sendiri.

Selain itu capaian Internet yang rendah di sesetengah lokasi juga turut membatasi pelaksanaan PdPR. Situasi seperti ini menjejaskan pelaksanaan PdPR dilaksanakan dengan baik (Norehan, *et al.*, 2021). Walau bagaimanapun hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam memastikan semua murid mendapat Pendidikan secara berterusan dalam memperkembangkan potensi kemenjadian murid yang selari dengan enam aspirasi murid di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 perlu diteruskan dan menjadi aspirasi dalam memastikan pendidikan dalam negara kita berkembang dengan jayanya.

PERNYATAAN MASALAH

Pandemik yang melanda dunia akibat wabak Covid-19 telah mengubah dunia ke arah pengamalan norma baharu. Semua industri diminta mematuhi *Standard of Procedure* (SOP) bagi memastikan rantai Covid-19 dapat diputuskan (Norehan, *et al.*, 2021). Oleh hal yang demikian, bidang pendidikan turut terkesan dengan penutupan sekolah dan institusi pengajian tinggi. Untuk mengelakkan keciciran berlaku dalam kalangan murid, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membentuk manual panduan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) tahun 2020. PdPR secara dalam talian boleh dilaksanakan apabila capaian Internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara *real time* (Bicknel, 2014). Namun, sejauh mana kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR perlu dikaji agar matlamat dan objektif KPM tercapai.

PdPR memerlukan sokongan pelbagai pihak antaranya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru-guru, ibu bapa atau penjaga dan komuniti setempat (Norehan, *et al.*, 2021). Hal ini amat mustahil dilaksanakan tanpa sokongan padu dan komitmen yang tinggi dari seluruh pihak yang berkepentingan. Walau bagaimanapun cabaran paling ketara dihadapi oleh golongan ibu bapa berkerjaya yang sedang bergelut dengan tanggungjawab pekerjaan dan dalam masa yang sama turut perlu terlibat dengan PdPR anak-anak (Manual PdPR, KPM, 2020).

Cabaran ibu bapa untuk melibatkan diri secara aktif di dalam PdPR merupakan satu kesedaran yang perlu dititik beratkan. Hal ini kerana, seperti yang kita sedia maklum rata-rata ibu bapa hari ini adalah terdiri daripada mereka yang berkerjaya. Dalam situasi pandemik ketika ini, ibu bapa perlu bekerja dari rumah. Hal ini menyebabkan tuntutan kerja hakiki dan peranan ibu bapa untuk menyelia dan melibatkan diri dengan PdPR anak-anak merupakan satu cabaran yang sangat besar dan kita juga masih berada dalam keadaan buntu untuk mencari satu solusi efektif bagi memastikan pendidikan anak-anak tidak akan terabai. Oleh itu kajian ini perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti motivasi peribadi ibu bapa dan kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak serta efikasi sendiri ibu bapa bagi mendalami kesediaan ibu bapa untuk terlibat dalam PdPR anak-anak yang masih berlangsung sehingga sekarang.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i. Mengetahui tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR daripada aspek motivasi peribadi.
- ii. Mengetahui tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR daripada aspek kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

- iii. Mengenal pasti tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR daripada aspek efikasi sendiri ibu bapa.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan kajian adalah seperti berikut:-

- i. Apakah tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR daripada aspek motivasi peribadi?
- ii. Apakah tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR daripada aspek kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak?
- iii. Mengenal pasti tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR daripada aspek efikasi sendiri ibu bapa.

SOROTAN LITERATUR

Pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia menyebabkan sistem pendidikan tidak terkecuali terkait dengan isu ini, pembelajaran secara fizikal bertukar secara atas talian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ibu bapa dan kanak-kanak sangat memberikan kesan yang besar terhadap pengajaran dan pembelajaran, tetapi ibu bapa sudah bersedia dengan setiap masalah yang berlaku. Dalam kajian tersebut menunjukkan ibu bapa, kanak-kanak atau pelajar perlu mempunyai sikap positif dan motivasi yang tinggi terhadap PdPR secara atas talian. Dalam kajian ini mendapati bahawa faktor ekonomi dan jantina mempengaruhi PdPR (Magesvaran dan Intan Nursyuhada Hamzah, 2020).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ria Novianti dan Meyke Garzia (2020) mendapati bahawa apabila aktiviti sekolah digantikan dengan pembelajaran dalam talian atau PdPR tidak semua ibu bapa bersedia dengan kaedah baru, tetapi sebahagian besar ibu bapa cuba untuk menghadapi halangan dan kesukaran ini dengan membahagikan masa dan perhatian terhadap PdPR anak-anak mereka. Selain itu kajian Shelina Bhamani *et al.* (2020) mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran di rumah PdPR memberikan pendapat yang berbeza daripada segi kemudahan dan kesusahan semasa membantu anak-anak mereka di rumah ini adalah bergantung kepada faktor ekonomi serta pekerjaan ibu bapa tersebut, namun ibu bapa cepat menyesuaikan diri dengan cepat mengatasi masalah PdPR secara atas talian yang semakin mencabar.

Seterusnya dalam kajian Eva Yi Hung Lau *et al.*, (2021) pula, pengajaran dan pembelajaran di rumah menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai kesediaan penglibatan PdPR perlu juga melihat anak-anak yang tidak semua telah bersedia dengan situasi ini dengan suasana dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berubah daripada secara fizikal dan atas talian. Menurut kajian Dong *et al.* (2020) menyatakan PdPR bukan sahaja memerlukan kesediaan ibu bapa malahan komitmen masa yang signifikan ibu bapa perlu diberikan sepenuhnya

terhadap anak-anak kerana pengajaran dan pembelajaran di rumah memerlukan pengorbanan yang banyak kerana bukan perkara yang mudah untuk di aplikasikan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Sementara itu, Hira dan Anderson (2021) dalam kajian yang dilakukan mendapati ibu bapa menyatakan kesediaan mereka semasa PdPR memerlukan pengalaman dan motivasi yang tinggi kerana bukan mudah untuk menguruskan anak-anak mereka secara PdPR. Ibu bapa juga memerlukan sokongan daripada guru ini adalah kerana pengajaran dan pembelajaran yang perlu melibatkan masa dan perhatian yang lebih kepada anak-anak mereka di rumah. Manakala menurut Ahsani (2020), ibu bapa bukan sahaja kesediaan terhadap penglibatan ibu bapa terhadap PdPR malahan strategi ibu bapa mengajar dan mendidik anak-anak mereka belajar rumah semasa pandemik Covid-19 dengan sentiasa menemani dan memahami gaya pembelajaran yang sesuai serta selesa.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif dengan menggunakan pendekatan secara kuantitatif bagi mendapatkan pandangan ibu bapa terhadap kesediaan penglibatan mereka dalam PdPR anak-anak. Kaedah tinjauan ini merupakan kaedah yang sesuai digunakan dalam pelbagai bidang untuk mendapatkan maklumat tertentu. Malah menurut Cohen *et al.*, (2013), kaedah tinjauan mempunyai kelebihan untuk mengukur sikap dan amalan semasa. Responden kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah daripada peringkat tadika hingga peringkat sekolah menengah dan sedang menjalani PdPR. Seramai 212 orang responden telah mengambil bahagian untuk menjawab soal selidik kajian ini dan kaedah pemilihan sampel kajian adalah secara rawak mudah. Prosedur pengumpulan data bagi kajian ini dilakukan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Seterusnya data yang dikumpulkan ini akan dikodkan, direkodkan dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 dengan menggunakan skor min.

Instrumen Kajian

Soal selidik kajian ini telah diadaptasi daripada soal selidik kajian *Parents Personal Motivation for Involvement Factors* oleh Strickland (2015). Instrumen kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Motivasi Peribadi), Bahagian C (Kepercayaan Terhadap Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-anak) dan Bahagian D (Efikasi Kendiri ibu bapa). Instrumen ini juga telah diubah suai daripada segi struktur ayat supaya bersesuaian dengan struktur pendidikan semasa serta budaya masyarakat di Malaysia. Kajian ini. Kaedah skala lima Likert telah digunakan sebagai pilihan jawapan responden kajian bagi mengenal pasti tahap pembangunan profesional guru prasekolah. Skala lima Likert ini juga digunakan untuk memudahkan kajian bagi mengenal pasti pandangan dan penilaian responden terhadap item yang dirasakan sesuai.

Jadual 1.1 berikut menunjukkan skor penilaian skala 5 Likert yang digunakan bagi bahagian ini:

Jadual 1.1: Jadual Skor Skala Likert

Pernyataan	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Kebolehpercayaan Instrumen

Set soal selidik ini telah diuji dengan menggunakan nilai kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*). Kajian rintis telah dijalankan melibatkan seramai 30 orang responden memandangkan kiraan statistik akan berfungsi sekiranya sampel (*n*) melebihi 30 orang menurut Darusalam dan Hussin (2018). Hasil daripada ujian tersebut, nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi akan dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim, 2007) seperti yang berikut bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau disingkirkan daripada instrumen.

Jadual 1.2: Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
.90 dan ke atas	Amat baik
.80-.89	Baik
.60-.79	Sederhana
.40-.59	Diragui
.00-.39	Ditolak

Analisis kebolehpercayaan menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai nilai *Alpha Cronbach* sebanyak .92. Ini menunjukkan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi kajian ini adalah amat baik dan mempunyai ketekalan dalaman yang melebihi .70. Oleh itu, instrumen kajian ini sesuai digunakan untuk mengukur apa yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN

Profil Demografi Responden

Sampel kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak-anak daripada peringkat tadika hingga sekolah menengah yang sedang menjalani PdPR. Seramai 212 orang ibu bapa telah bersetuju untuk menjadi sampel kajian ini bagi memberi respons terhadap soal selidik kajian. Berdasarkan jadual keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 32 orang lelaki dan 181 orang perempuan.

Jadual 2.1: Taburan Frekuensi dan Peratusan Mengikut Jantina Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	32	15
Perempuan	181	85
Jumlah	212	100

Seterusnya, berdasarkan jadual taburan umur responden terdiri daripada ibu bapa yang berada dalam lingkungan umur 20-30 tahun adalah seramai 11 orang, lingkungan umur 30-40 tahun pula adalah seramai 96 orang, 41-50 tahun seramai 78 orang dan 51 tahun ke atas seramai 28 orang responden.

Jadual 2.2: Taburan Frekuensi dan Peratusan Mengikut Umur Responden

Umur	Frekuensi	Peratus
20 - 30 Tahun	11	5.2
31 - 40 Tahun	96	45.1
41 - 50 Tahun	78	36.6
51 Tahun ke atas	28	13.1
Jumlah	212	100

Berdasarkan jadual berikut menunjukkan tahap pendidikan responden kajian ini terdiri daripada 49 orang mempunyai tahap pendidikan SPM/STPM/setaraf, seramai 32 orang di tahap diploma, seramai 99 orang di tahap ijazah sarjana muda, seramai 29 orang di tahap ijazah sarjana dan seramai 4 orang di tahap PhD.

Jadual 2.3: Taburan Frekuensi dan Peratusan Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus
SPM/ STPM/ Setaraf	49	23
Diploma	32	15
Ijazah Sarjana Muda	99	46.5
Ijazah Sarjana	29	13.6
PhD	4	1.9
Jumlah	212	100

Berdasarkan jadual berikut menunjukkan jumlah pendapat keluarga responden kajian ini terdiri daripada seramai 45 orang (RM2500 ke bawah), seramai 19 orang (RM2501- RM 3169), seramai 15 orang (RM 3170- RM 3969), seramai 22 orang (RM 3970 -RM 4849) dan seramai 112 orang (RM 4850 ke atas).

Jadual 2.4: Taburan Frekuensi dan Peratusan Mengikut Pendapatan Keluarga

Pendapatan Keluarga	Frekuensi	Peratus
RM2500 ke bawah	45	21.1
RM2501- RM 3169	19	8.9
RM 3170 – RM 3969	15	7
RM 3970 -RM 4849	22	10.3
RM 4850 ke atas	112	52.6
Jumlah	212	100

Berdasarkan jadual berikut menunjukkan lokasi tempat tinggal responden terdiri daripada 97 orang di bandar, seramai 64 orang di luar bandar, seramai 48 orang di pinggir bandar dan seramai 4 orang di pendalaman.

Jadual 2.5: Taburan Frekuensi dan Peratusan Mengikut Pendapatan Keluarga

Lokasi	Frekuensi	Peratus
Bandar	97	45.5
Luar Bandar	64	30
Pinggir Bandar	48	22.5
Pendalaman	4	1.9
Jumlah	212	100

Seterusnya bagi data yang telah dianalisis bagi bahagian B (Motivasi Peribadi), bahagian C (Kepercayaan terhadap Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-anak) dan bahagian D (Efikasi Kendiri Ibu Bapa) dinilai dengan menggunakan nilai min

dan merujuk kepada interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Pallant (2011) seperti yang berikut bagi menilai tahap setiap item dalam soal selidik kajian ini.

Jadual 2.6: Tafsiran Skor Min bagi Item Skala Likert 5 Poin (Pallant, 2011)

Tahap	Skor Min
Rendah	3.67-5.00
Sederhana	2.34-3.66
Tinggi	1.00-2.33

Tahap Kesiediaan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan dalam PdPR dari Aspek Motivasi Peribadi

Jadual menunjukkan analisis min tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam PdPR anak-anak daripada aspek motivasi peribadi. Setiap item dalam bahagian ini adalah untuk menilai pengalaman ibu bapa semasa di bangku sekolah. Analisis min menunjukkan item soalan pertama iaitu “saya menyukai sekolah saya” mempunyai nilai min tertinggi daripada item-item yang lain iaitu pada nilai skor min sebanyak 4.53. Item kedua tertinggi adalah pada item soalan kelima iaitu pengalaman keseluruhan semasa di sekolah adalah menarik menunjukkan nilai skor min 4.27.

Seterusnya, item soalan ketiga tentang mempunyai pengalaman yang baik di sekolah mendapat nilai skor min 4.23. Manakala, item soalan keempat iaitu “saya adalah sebahagian daripada sekolah” mendapat nilai skor min sebanyak 4.19 dan item soalan kedua pula berkenaan pengalaman terhadap mempunyai guru yang mengambil berat mendapat nilai skor min 4.14 iaitu skor min yang paling rendah berbanding item-item yang lain. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kelima-lima item ini menunjukkan aspek motivasi peribadi ibu bapa adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 3.1: Item Bagi Tahap Motivasi Peribadi dalam Kalangan Ibu Bapa

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya menyukai sekolah saya	4.53	Tinggi
2	Guru saya mengambil berat tentang saya	4.14	Tinggi
3	Saya mempunyai pengalaman yang baik di sekolah	4.23	Tinggi
4	Saya adalah sebahagian dari sekolah	4.19	Tinggi
5	Pengalaman keseluruhan saya semasa di sekolah adalah menarik	4.27	Tinggi
	Keseluruhan	4.27	Tinggi

Tahap Kesiediaan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan dalam PdPR dari Aspek Kepercayaan Terhadap Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-anak.

Jadual menunjukkan analisis min tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam PDPR anak-anak daripada aspek kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Item soalan pada bahagian ini adalah untuk mengukur tahap kepercayaan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak. Analisis skor min yang telah dilaksanakan menunjukkan item kedua iaitu “saya mengenali anak saya secara menyeluruh” telah mendapat nilai skor min tertinggi berbanding item-item yang lain iaitu sebanyak 4.36. Nilai skor min kedua tertinggi pula adalah pada item keenam dan ketujuh yang membincangkan berkenaan tanggungjawab ibu bapa untuk berkomunikasi dengan guru dan membantu kerja rumah anak-anak, masing-masing mendapat nilai skor min yang sama iaitu 4.26.

Item soalan kelapan pula berkenaan kepercayaan ibu bapa memberi sokongan terhadap keputusan guru mendapat nilai skor min sebanyak 4.24. Seterusnya nilai skor min pada item soalan pertama iaitu tentang pengetahuan ibu bapa membantu anak untuk berkelakuan baik di sekolah mendapat nilai skor min sebanyak 4.23. Manakala item ketiga iaitu “saya tahu cara untuk membantu anak saya mencapai prestasi yang baik di sekolah” mendapat nilai skor min sebanyak 4.10. Nilai skor min semakin rendah pada item soalan keempat dan kelima iaitu berkenaan pendapat ibu bapa terhadap kejayaan membantu anak-anak mencapai prestasi yang baik di sekolah dan kepercayaan terhadap kejayaan usaha membantu anak mereka belajar, masing-masing mendapat nilai skor min 4.05 dan 4.03. Nilai skor min yang terendah berbanding item-item soalan yang lain adalah pada item soalan kesembilan berkenaan tanggungjawab untuk berkomunikasi dengan ibu bapa yang lain di sekolah mendapat nilai min 3.84. Walau bagaimanapun, keseluruhannya aspek kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 3.2: Item Bagi Tahap Kepercayaan Terhadap Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya tahu cara untuk membantu anak saya berkelakuan baik di sekolah.	4.23	Tinggi
2	Saya mengenali anak saya secara menyeluruh.	4.36	Tinggi
3	Saya tahu cara untuk membantu anak saya mencapai prestasi yang baik di sekolah.	4.10	Tinggi
4	Saya berasa usaha saya berjaya membantu anak saya belajar.	4.05	Tinggi
5	Saya tahu bagaimana membantu anak saya belajar.	4.03	Tinggi

6	Saya percaya bahawa saya bertanggungjawab untuk berkomunikasi dengan guru anak saya secara berkala.	4.26	Tinggi
7	Saya percaya bahawa saya bertanggungjawab untuk membantu kerja rumah anak saya.	4.26	Tinggi
8	Saya percaya bahawa saya bertanggungjawab untuk menyokong keputusan guru.	4.24	Tinggi
9	Saya percaya bahawa saya bertanggungjawab untuk berkomunikasi dengan ibu bapa yang lain di sekolah anak saya.	3.84	Tinggi
Keseluruhan		4.15	Tinggi

Tahap Kesianan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan dalam PdPR dari Aspek Efikasi Kendiri Ibu Bapa.

Jadual menunjukkan analisis min tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam PdPR anak-anak daripada aspek efikasi kendiri ibu bapa. Item-item soalan pada bahagian ini adalah untuk mendapatkan penilaian ibu bapa terhadap kemampuan diri mereka untuk membantu anak-anak sepanjang PdPR berlangsung. Analisis nilai skor min menunjukkan item soalan ketiga iaitu kemampuan untuk memberi penerangan kepada anak berkaitan kerja rumah yang diberikan mendapat nilai skor min tertinggi iaitu sebanyak 3.91. Kemudian diikuti skor nilai min item soalan yang kedua berkenaan pengetahuan ibu bapa untuk membimbing anak membuat kerja rumah mendapat nilai skor min sebanyak 3.88.

Seterusnya, nilai min pada item pertama dan kelima berkenaan mempunyai masa dan tenaga yang mencukupi untuk membantu anak mereka berkaitan sekolah serta mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membantu membuat kerja rumah anak-anak masing-masing mendapat nilai min 3.52 dan 3.51. Nilai skor min bagi item soalan keempat iaitu berkenaan mempunyai masa dan tenaga yang cukup untuk membantu anak-anak membuat kerja rumah telah mendapat nilai skor min terendah berbanding item-item soalan yang lain iaitu sebanyak 3.45. Secara keseluruhannya, kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam PdPR berada di tahap sederhana.

Jadual 3.3: Item Bagi Efikasi Kendiri Ibu Bapa

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya mempunyai masa dan tenaga yang mencukupi untuk membantu anak saya berkaitan sekolah	3.52	Sederhana
2	Saya tahu untuk membimbing anak saya membuat kerja rumah	3.88	Tinggi
3	Saya boleh memberi penerangan kepada anak saya berkaitan kerja rumah yang diberikan	3.91	Tinggi

4	Saya mempunyai masa dan tenaga yang mencukupi untuk membimbing anak saya membuat kerja rumah	3.45	Sederhana
5	Saya mempunyai pengetahuan yang cukup berkaitan setiap subjek kerja rumah anak saya supaya dapat membantunya	3.51	Sederhana
Keseluruhan		3.66	Sederhana

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan nilai min terhadap dua daripada tiga aspek yang dikaji tentang kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR berada di tahap tinggi, manakala nilai min satu aspek lagi di tahap sederhana. Nilai min daripada aspek tahap motivasi peribadi dalam kalangan ibu bapa mendapat nilai yang paling tinggi berbanding nilai aspek yang lain, iaitu sebanyak 4.27. Aspek tahap kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak mendapat nilai kedua tertinggi dengan nilai 4.15 dan aspek efikasi sendiri ibu bapa dengan nilai min 3.66 berada di tahap sederhana.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap motivasi peribadi dalam kalangan ibu bapa merupakan penyumbang utama kepada kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR anak-anak. Demografi profil responden menunjukkan ibu bapa terdiri daripada individu yang mempunyai pengalaman bersekolah yang baik dan menunjukkan respons yang positif. Hal ini membuktikan pengalaman dan persepsi ibu bapa terhadap sekolah mempengaruhi tahap motivasi peribadi mereka. Oleh itu, hubungan yang baik di antara ibu bapa dan sekolah adalah sangat penting dalam meningkatkan tahap motivasi peribadi mereka.

Selain itu, bagi aspek tahap kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak pula mencatatkan keutamaan kedua. Ini selari dengan tahap pendidikan responden yang menunjukkan 46.5% daripada mereka merupakan individu yang mempunyai tahap pendidikan peringkat tertari dan 52.6% mempunyai pendapatan keluarga yang melebihi RM 4580. Secara tidak langsung ini bermaksud responden kajian ini terdiri daripada kalangan individu yang cenderung memberi penekanan dan fokus terhadap kepentingan pendidikan dalam kehidupan. Tahap kepercayaan terhadap peranan ibu bapa dalam mendidik anak yang tinggi oleh ibu bapa juga penting dalam meningkatkan tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR anak. Sungguhpun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa terdapat sebahagian ibu bapa yang belum bersedia sepenuhnya PdPR ini dijalankan dengan kekurangan pengalaman dan berlaku secara mengejut tanpa persediaan daripada ibu bapa (Norehan Mohd Nasir dan Mahaliza Mansor, 2021).

Aspek efikasi sendiri ibu bapa menyumbang nilai min terendah berbanding aspek-aspek lain namun masih berada di tahap yang sederhana. Keadaan ini menunjukkan bahawa ibu bapa menghadapi halangan dalam kesediaan terhadap penglibatan dalam PdPR anak terutama daripada segi masa dan tenaga. Keadaan ini selari dengan kajian yang dijalankan Zulfitri dan Ansharullah (2020) menyatakan bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak

semasa pandemik Covid-19. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai keterbatasan daripada segi masa dan masalah pekerjaan yang terpaksa dilakukan ini menyebabkan ibu bapa tidak sepenuhnya memberikan fokus kepada pengajaran dan pembelajaran anak-anak mereka melalui atas talian. Hal ini kerana ibu bapa terikat dengan tuntutan kerja dan tugas-tugas harian yang perlu dijalankan di samping membuat persediaan untuk PdPR anak-anak. Oleh itu, penghasilan sebuah model PdPR yang mengambil kira kekangan ini boleh membantu meningkatkan kesediaan ibu bapa pada tahap optimum.

Daripada hasil kajian yang dijalankan, dapat merumuskan bahawa kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR dari sudut motivasi diri dan persepsi terhadap peranan ibu bapa sebagai pendidik adalah di tahap yang tinggi. Namun dari sudut efikasi sendiri ibu bapa masih berada di tahap sederhana. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa terdapat sebahagian ibu bapa yang belum bersedia sepenuhnya PdPR ini dijalankan dengan kekurangan pengalaman dan berlaku secara mengejut tanpa persediaan yang lengkap daripada ibu bapa. Justeru itu, usaha bagi penambahbaikan yang lebih tinggi dan berkesan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR berada di tahap tinggi pada masa yang akan datang.

Kajian yang lebih mendalam dan berfokus juga perlu dijalankan pada masa hadapan bagi mendapatkan hasil dapatan yang lebih relevan dan dapat digeneralisasikan. Responden yang mempunyai profil demografi latar belakang dan tahap pendidikan heterogen, dapat menunjukkan dengan lebih jelas hubungan antara motivasi peribadi ibu bapa dan tahap kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam PdPR anak. Kajian masa hadapan yang merangkumi sampel responden yang lebih luas dan instrumen kajian yang pelbagai juga dapat meningkatkan kesahan dapatan kajian yang boleh digeneralisasikan dan dapat menyumbang kepada penambahbaikan model PdPR yang lebih berkesan dalam membantu ibu bapa meningkatkan kesediaan terhadap penglibatan PdPR anak sekali gus meningkatkan keberkesanan PdPR.

BIBLIOGRAFI

- Ahsani E. (2020). Strategi Orang Tua dalam Mengajar dan Mendidik Anak dalam Pembelajaran Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Al-Athfal*. Jilid 3(1):37-46.
- Bicknel B., (2014), Parental Roles in the Education of Mathematically Gifted and Talented Children. *Gifted Child Today*, 37(2), 83-93. Doi:10.1177/1076217513497576
- Cohen, J. (2013). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Academic Press.
- Darussalam, G., and Hussin, S. (2018). *Research Methodology in Education. Practice and Research Analysis. Second. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.*
- Dong C, Cao S, and Li H (2020). Young Children's Online Learning During Covid-19 Pandemic: Chinese Parents Beliefs and Attitudes. *Children and Youth Services Review*. Vol. 118.

- Eva Yi Hung Lau, Jian-Bin LI and Kerry Lee (2021). *Online Learning and Parent Satisfaction During COVID-19: Child Competence in Independent Learning as a Moderator. Early Education and Development*. Tylor and Francis Online.
- Hapini Awang *et al.*, (2020). Cabaran dalam Melaksanakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Analisis Kes Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog serta Strategi untuk Melestarikan Penggunaan Google Classroom dalam Kalangan Guru. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*. Vol. 1(1):1-19.
- Hawati Abdul Hamid and Jarud Romadan Khalidi (2020). Covid-19 and Unequal Learning Khazanah Research Institute. http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/20200426_Covid_Education_v3.pdf
- Hira A. and Anderson E. (2021). Motivating Online Learning Through Project-Based Learning During the 2020 COVID-19 Pandemic. *IAFOR Journal of Education*. Vol. 9(2): 93-110.
- Ima Eryanty Abdul Manaf dan Adam Zulkarnain Saleng (2020) Pandemi: Pendekatan Pelaksanaan Latihan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia).
- Magesvaran Ugartini and Intan Nur Syuhada Hamzah (2021). Attitude and Motivation Primary School Student toward Malay Language Online Learning During Movement Control Order. *Journal Article.ukm.my*.
- Mohd Norazmi Nordin, Faiza Iqbal, Ruqia Safdar Bajwa. (2021). Challenges of Parents in the Implementation of Teaching Process and Facilitation at Home During Movement Control Order for Students With Special Needs With Hearing Impairment in Malaysia. *Psychology and Education*. Vol. 58(2): 9188-9193
- Nor Hidayati Mokhtar. (2020). Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. Diperoleh daripada : <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- Norehan Moh Nasir dan Mahaliza Mansor. (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSJ)*, Vol. 6(7): 416-421.
- Nur Fauziana Mohd Salleh (2020). Pandemi Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/342886967>.
- Pallant, J. (2011). *Survival Manual. A Step By Step Guide to Data Analysis Using SPSS (4th ed.)* Crows Nest, New South Wales, Australia: Allen & Unwin.
- Rian Novianti and Meyke Garzia (2020). Parental Engagement in Children Online Learning During COVID-19 Pandemic. *Journal of Teaching and Learning in Elementary Education*.

- Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abd. Razak. (2010). Hubungan Guru Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Pelajar Belajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Jilid 35(2):61-69
- Roslaili Anuar dan Wan Zamani Wan Zakaria. (2015). TPACK dalam Pendidikan Seni Visual: Satu Kajian Mengenai Kesediaan Pelajar Menggunakan E-Pembelajaran dalam Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. Jilid 3.
- Shelina Bhamani, Areeba Zainab Makhdoom, Vardah Bharuchi, Nasreen Ali, Sidra Kaleem and Dawood Ahmed (2020). Home Learning in Times of COVID: Experiences of Parents. *Journal of Education and Educational Development*. Vol. 7(1):9-26.
- Siti Balqis Mahlan dan Muniroh Hamat (2020). *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia.
- Strickland, S. (2015). *Effects of Parental Motivations on Home-Based and School-Based Parental Involvement* (Doctoral Dissertation, Walden University).
- Sumitra Pokhrel and Roshan Chhetri (2021). A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. Reprints and Permissions: [in.sagepub.com/journals-permissions-india](https://www.in.sagepub.com/journals-permissions-india) DOI: 10.1177/2347631120983481journals.sagepub.com/home/hef
- Suprpto, H. A. (2018). Pengaruh Komunikasi Efektif untuk Meningkatkan Hasil Belajar Mahasiswa. *Khazanah Pendidikan*. Jilid 11(1).
- Wan Isa (2020). Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan di Lestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan(PKP)Covid-19.Diakses dari:<https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2.%20PERANA%20DAN%20CRAN%20PEMIMPIN%20PENDIDIKAN.pdf> (1 Mei 2021)
- Zulfitria dan Ansharullah (2020). Penggunaan Teknologi dan Internet Sebagai Media Pembelajaran di Masa Pandemi Covid-19. *Prosiding Seminar Nasional Penelitian LPPM UMJ*.